



**FORMAT PENULISAN KERTAS CADANGAN
MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION
(MyLAB) BIL. 1/2016**

Kertas cadangan bagi projek MyLAB yang dikemukakan hendaklah merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

1. Ringkasan Eksekutif

2. Latar Belakang dan Rasional Kertas Cadangan MyLAB Bil. 1/2016

Menyediakan kertas cadangan yang berfokuskan kepada penciptaan yang inovatif dan terkehadapan dalam bidang teknologi iaitu nanoteknologi, bioteknologi, pengangkutan (automotif dan rel) aeroangkasa & minyak dan gas demi perkembangan industri negara supaya mampu bersaing di persada dunia.

2. Objektif Projek

Objektif projek perlu mengambil kira keperluan yang ada di dalam Teras MyLAB seperti berikut:

- i. Permasalahan teknologi, produk atau proses dari industri yang boleh diselesaikan oleh IPT melalui penyelidikan dan kepakaran;
- ii. Mempunyai produk (sedia ada) yang telah dibangunkan oleh IPT yang boleh mempertingkatkan produk atau teknologi industri;
- iii. Mempunyai prototaip yang dibangunkan oleh IPT tempatan, teknologi atau proses yang berpotensi untuk dikomersilkan oleh industri.

4. Keterangan Projek

Menyediakan pelan pelaksanaan projek. Nyatakan secara terperinci mengenai sub-sub projek di bawah projek. Senaraikan institusi-institusi yang terlibat dan kepakaran masing-masing untuk melaksanakan sub-sub projek di bawah projek termasuk kepakaran daripada pihak industri. Senaraikan juga nama Pengurus Projek dan Pengurus Sub-projek. Nyatakan bagaimana untuk menguruskan kepelbagaian disiplin dan institusi bagi memastikan sub-sub projek di bawah projek menyumbang kepada hasil projek secara keseluruhannya. Senaraikan kelengkapan makmal sedia ada yang akan digunakan untuk tujuan penyelidikan projek tersebut.

5. Bukti Kekuatan (*track record*) Kumpulan Penyelidik

Nyatakan bukti kekuatan (*track record*) untuk lima (5) tahun yang terkini seperti *scival-spotlight*, *h-index*, sitasi penyelidikan terdahulu (yang berkaitan sahaja) dan sebagainya.

6. Maklumat Berkaitan Pengalaman Dalam Industri

Nyatakan secara terperinci mengenai maklumat industri / syarikat termasuk projek yang sedang/telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik dengan industri tersebut.

7. Peranan Industri Dalam Projek

Nyatakan peranan / komitmen / kolaborasi pihak industri dalam projek penyelidikan. Tunjukkan kajian pasaran / saiz pasaran secara ringkas dan siapakah pengguna akhir bagi produk yang akan dibangunkan tersebut

8. Kewangan

Senaraikan kos projek secara menyeluruh dan kos bagi setiap sub-sub projek. Tunjukkan *Return of Investment* (ROI), ramalan kewangan untuk lima (5) tahun (*5 years financial forecast*), jangkaan pertumbuhan pasaran (*market growth projection*), pembahagian peratusan untung rugi (*profit & loss sharing*) dan paten. MoU / MoA antara IPT dan Industri juga perlu dikemukakan.

9. Jangkaan Hasil/Output

Nyatakan jangkaan hasil / output daripada projek seperti pembangunan *total solution showcase* yang sedia untuk dipasarkan, bilangan harta intelek, bilangan produk baru dan sebagainya.